

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2001/2002**

**SEPTEMBER 2001**

**RAK 442 – SEJARAH DAN TEORI SENI BINA 2**

**Masa: 3 jam**

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TUJUH** soalan sahaja: **Soalan 1** adalah **WAJIB** dan Jawab **DUA** soalan daripada **Bahagian B** dan Jawab **EMPAT** soalan daripada **Bahagian C**.

**Asingkan kertas jawapan Bahagian C daripada Bahagian A dan B.**

**BAHAGIAN A: WAJIB**

1. Apakah yang dimaksudkan dengan “dasar sejarah daripada **Pemahaman Hukum - Pentadbiran Rakyat**”. Contohkan dengan artifak seni bina yang wujud di kawasan Kepulauan Melayu (Malay Archipelago) hari ini.

(20 markah)

**BAHAGIAN B: (Pilih DUA soalan sahaja)**

2. Beza dan bandingkan satu period sejarah seni bina di kawasan Kepulauan Melayu untuk menunjukkan kedua-dua kemenangan dan kekalahan sesuatu ideologi

(20 markah)

3. Monumentalisme adalah alat menampakkan kekuasaan, seterusnya mengabadikan sesuatu pemerintahan. Mengapakah pemerintahan Islam di kawasan Kepulauan Melayu terutama dalam Abad 15 tidak kelihatan tanda kuasa atau abadinya?

(20 markah)

4. Terangkan maksud seni bina kolonialisme di kawasan Kepulauan Melayu. Kenapakah dikatakan seni bina kolonialisme ini adalah satu misnomer (salah nama)?

(20 markah)

5. Seni bina Malaysia pra dan pasca Merdeka adalah kategori yang tidak boleh digunakan untuk menerangkan sejarah arkitektur Malaysia. Bincangkan.

(20 markah)

6. Tunjukkan mekanisme penyebaran maklumat, khususnya maklumat sejarah arkitektur. Apakah, selain dari imej arkitektur, imej yang turut juga disebarluaskan? Apakah implikasi jangka panjang penyebaran maklumat sejarah ini?

(20 markah)

**BAHAGIAN C:** (Jawab **EMPAT** soalan sahaja.)

**Asingkan kertas jawapan Bahagian C daripada Bahagian A dan B.**

7. Aktiviti sosio-ekonomi tradisional di Malaysia dan juga di Asia Tenggara sangat berkait rapat dengan reka bentuk topografi sedia ada.

- (a) Nyatakan **DUA** jenis ekonomi ini.

(2 markah)

- (b) Huraikan kaitan ekonomi ini dengan pemuliharaan reka bentuk topografi alam sekitar sedia ada dengan menyatakan **TIGA** fungsi alam sekitar ini sebagai rujukan utama.

(8 markah)

8. Huraikan **LIMA** teknik pembinaan yang mempengaruhi reka bentuk seni bina bangunan/perumahan tradisional berdasarkan reka bentuk geografi sedia ada. (beserta lukisan)

(10 markah)

... .3/-

9. (a) Huraikan apa yang dimaksudkan sebagai reka bentuk *universal* (dengan mengaitkan tokoh-tokoh seni bina pada masa tersebut).  
  
(5 markah)
- (b) Huraikan peranan teknologi dalam mengembalikan ciri-ciri reka bentuk regional (dengan menyatakan tokoh-tokoh seni binanya).  
  
(5 markah)
10. Huraikan **LIMA** jenis stail reka bentuk rumah kedai (*shophouses*) yang terdapat di Malaysia.  
  
(10 markah)
11. (a) Huraikan mengapa penjajah Inggeris membina penempatan berdasarkan reka bentuk seni bina bangunan yang istimewa di Cameron Highlands dan Bukit Bendera.  
  
(5 markah)
- (b) Huraikan **DUA** faktor yang menyebabkan masalah banjir kerana perkembangan dalam industri binaan di Malaysia.  
  
(5 markah)

-00000ooo-

